

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7564**

**SOALAN:**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab mengapa Kerajaan tidak memansuhkan syarat permohonan visa untuk warganegara China untuk melawat Malaysia sebagai pemangkin untuk menarik lebih ramai pelancong dari Republik Rakyat China.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan telah membincangkan secara teliti berhubung perkara ini dengan mengambilkira pandangan pelbagai pihak dan juga membuat *cost and benefit assessment*. Perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara, kesejahteraan rakyat serta *direct-indirect and intangible social-economic costs* menjadi keutamaan.**

**Usaha memberi kelonggaran kepada beberapa negara termasuk warga China pernah dilakukan melalui pemberian *Visa On Arrival* dengan kadar RM330 sejak tahun 2006. Walau bagaimanapun, ianya telah disalahgunakan apabila Kerajaan mengesan ramai warga China yang tidak keluar pada tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, Kerajaan memutuskan kemudahan ini ditarik balik pada tahun 2010.**

**Tanpa tapisan awal, dengan kemasukan warga China yang ramai, terutama sekali wanita-wanita muda akan mendatangkan suasana yang tidak baik dalam masyarakat. Banyak yang telah dilaporkan mengenai penglibatan mereka dalam aktiviti tidak bermoral seperti menjadi GRO, bekerja di rumah-rumah urut dan menjadi pelacur. Sering juga didengari aduan isteri-isteri yang diabaikan suami yang mempunyai hubungan dengan wanita dari China ini.**

Seterusnya masih lagi wujud isu '*Marriage Of Convenience*' di mana sindiket mempergunakan dan membayar lelaki tempatan untuk berkahwin dengan wanita muda ini bagi mendapatkan kemudahan tinggal jangka panjang. Dalam kebanyakan kes, mereka ini dikesan menjadi GRO, bekerja di rumah-rumah urut dan menjadi pelacur.

Berdasarkan rekod Polis DiRaja Malaysia, dilaporkan jumlah berkaitan tangkapan kes pelacuran sebanyak 4,125 untuk tahun 2013 dan 4,523 untuk tahun 2014. Selain itu, terdapat peningkatan jumlah jenayah kekerasan dan jenayah hartabenda yang dilakukan oleh warga China.

Manakala, Jabatan Imigresen pula melaporkan jumlah kesalahan oleh warga China seramai 530 bagi tahun 2014. Dua kesalahan utama ialah kemasukan/tinggal secara haram seramai 205 orang dan melanggar syarat pas seramai 208 orang. Jumlah yang telah diusir dengan perbelanjaan Kerajaan pula ialah seramai 855 orang.

Adalah perlu ditekankan bahawa jumlah kesalahan jenayah dan kesalahan imigresen yang direkodkan adalah berdasarkan situasi semasa di mana masih terdapat proses tapisan visa dan melibatkan pembayaran fi visa. Dikhuatiri apabila keperluan visa dikecualikan sama sekali, akan berlaku peningkatan yang mendadak berdasarkan kemasukan yang tidak ditapis dalam jumlah yang sangat tinggi.